



UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA
جامعة العلوم الإسلامية الماليزية
ISLAMIC SCIENCE UNIVERSITY OF MALAYSIA

Lampiran 1:

KERTAS INFORMASI PESERTA

Tajuk Kajian: Kesan Kepelbagaian Ekosistem Terhadap Literasi Kesihatan dalam Kalangan Masyarakat Luar Bandar di Sekitar Kawasan Perlindungan.

Pengenalan:

Kepada peserta yang dihormati,

Adalah penting untuk mengetahui tentang tahap kesihatan penduduk, keperluan dan penggunaan perkhidmatan kesihatan bagi sesuatu kawasan supaya intervensi yang sesuai dapat dikenal pasti dan diimplementasikan untuk kesejahteraan penduduk. Sehubungan itu, satu kajian soal selidik akan dilakukan di kawasan tuan/puan daripada Mei 2023 hingga Ogos 2023. Tuan/puan akan dilawati oleh dua orang penyelidik dan dijemput untuk menyertai kajian ini dengan menjawab soal selidik yang akan diadakan. Selain daripada itu, pemeriksaan kesihatan seperti mengambil ukuran berat badan dan tekanan darah serta pemerhatian ke atas persekitaran tempat tinggal juga akan dilakukan oleh penyelidik. Semua data-data yang diperolehi daripada kajian ini adalah dianggap sebagai sulit dimana data-data hanya akan digunakan tanpa merujuk kepada sebarang individu.

Penyertaan dalam Kajian ini

- Penyertaan anda dalam kajian ini adalah secara sukarela.
- Anda boleh enggan mengambil bahagian dalam kajian ini atau anda boleh menarik diri daripada penyertaan anda pada bila-bila masa tanpa penalti.
- Sekiranya terdapat sebarang soalan yang anda dapati terlalu sensitif, anda boleh tidak menjawabnya atau meminta untuk menghentikan perbincangan.
- Jawapan dan maklumat anda akan dirahsiakan oleh penyelidik kajian dan tidak akan diumumkan kepada umum kecuali undang-undang Malaysia memerintahkannya.
- Dengan menandatangani borang persetujuan, anda akan memberi kami kebenaran untuk menyemak rekod, menganalisis dan menggunakan data yang dikumpulkan dalam kajian ini.

Faedah Kajian:

Penyelidikan ini akan membantu para penyelidik untuk memahami status literasi kesihatan masyarakat di Kawasan Perlindungan dan hubungannya dengan status sosio-ekonomi dan kesihatan. Hasil kajian ini juga dapat digunakan untuk melaksanakan program intervensi dalam menambah baik status literasi dalam kalangan komuniti di Kawasan Perlindungan.

Risiko Kajian:

Tiada risiko kajian yang membimbangkan kerana tiada pengambilan darah yang akan dilakukan dan data-data yang dikumpul, dianalisa dan dibentangkan tidak akan merujuk kepada seseorang individu.

Maklumat lanjut dan butiran perhubungan:

Sekiranya tuan/puan bersetuju untuk menyertai kajian ini, sila tandatangani borang persetujuan untuk menyertai kajian. Sebarang pertanyaan bolehlah menghubungi penyelidik-penyelidik yang berikut:

Nama Penyelidik: Dr Amirah Binti Azzeri

Alamat: Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM),
Persiaran Ilmu, Putra Nilai, 71800 Nilai, Negeri Sembilan.

Email: amirah.azzeri@usim.edu.my

No Telefon: +6013-2088543

Nama Penyelidik: Dr. Mohd Hafiz Jaafar

Alamat: Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM),
Persiaran Ilmu, Putra Nilai, 71800 Nilai, Negeri Sembilan.

Email: dr.hafizjaafar@usim.edu.my

No Telefon: +6017-2888543

